



**KENYATAAN BALAS MEDIA**  
**BERKAITAN PENARIKAN BALIK KELULUSAN SEMBILAN (9) PEMAJU**  
**YANG INKGAR MEMATUHI SYARAT KELULUSAN RUMAH SELANGORKU**

1. Semenjak YB Dato' Iskandar Abd Samad, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri mengeluarkan kenyataan akan pembatalan pembangunan Rumah Selangorku terhadap Sembilan (9) projek pemaju, telah timbul banyak ulasan-ulasanya yang didapati menambahkan kekeliruan rakyat.

2. Dalam usaha memastikan semua pihak yang terlibat terutamanya rakyat Selangor maka ulasan-ulasan akan kemusykilan berkenaan adalah seperti berikut :

i. Apakah Rumah Selangorku?

Polisi Pembangunan Rumah Selangorku berasaskan Pekeliling Dasar Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor (Rumah Selangorku) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2014. Harga rumah bermula daripada RM42,000.00 sehingga RM250,000.00 (tidak termasuk Tempat Letak Kereta kedua dan Pilihan Penambahan Hiasan Rumah). Keluasannya adalah daripada 700 kaki persegi sehingga 1,000 kaki persegi. Terdapat pelbagai jenis rumah dalam pembinaan Rumah Selangorku iaitu Strata Bertingkat, Rumah Teres dan Rumah Bandar.



**KENYATAAN BALAS MEDIA  
BERKAITAN PENARIKAN BALIK KELULUSAN SEMBILAN (9) PEMAJU YANG INKAR MEMATUHI  
SYARAT KELULUSAN RUMAH SELANGORKU**

---

- ii. Selepas kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) apakah urusan seterusnya?

Pemaju diberi masa antara 18 hingga 24 bulan bergantung kepada bentuk pembangunan samada strata bertingkat atau rumah teres untuk mengemukakan dan mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta agensi yang terlibat dalam penyediaan Kebenaran Merancang (Development Order) yang dikendalikan oleh “One Stop Centre” di PBT. Seterusnya mengemukakan Pelan Bangunan dan setelah diluluskan, pemaju perlu mendapatkan Lesen Pemaju Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan Baru daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sebelum dijual.

- iii. Apakah tindakan Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk memastikan pemaju-pemaju yang telah mendapat kelulusan MMKN meneruskan projek mereka?

LPHS menubuhkan Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Pembangunan Rumah Selangorku yang akan melaporkan akan status kemajuan setiap tiga (3) bulan sekali kepada Jawatankuasa Induk mahupun Jawatankuasa Tetap Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh YB. Dato' Iskandar Abd Samad. Perjumpaan



**KENYATAAN BALAS MEDIA  
BERKAITAN PENARIKAN BALIK KELULUSAN SEMBILAN (9) PEMAJU YANG INGKAR MEMATUHI  
SYARAT KELULUSAN RUMAH SELANGORKU**

---

secara bersemuka dengan pemaju sering diadakan untuk mengetahui isu-isu yang dihadapi dan cara penyelesaian akan ditetapkan dalam Jawatankuasa Pemantauan ini yang bertindak sebagai *Task Force*. YB Dato' Iskandar Abd Samad begitu dedikasi dalam memastikan aspirasi rakyat tercapai melalui penetapan tindakan-tindakan yang perlu diambil. Atas dedikasi beliau yang didokong oleh anggota pentadbiran ini maka didapati sebanyak 24,247 unit telahpun dibina di mana 3,620 unit telah siap dan 20,627 dalam pembinaan dan dijangka siap pada awal 2021 di mana penawaran telah dibuat. Bakinya 76,286 unit di mana 60% di peringkat Kebenaran Merancang dan 40% di peringkat Pelan Bangunan.

- iv. Mengapakah pembangunan Rumah Selangorku Sembilan (9) pemaju ini ditarik balik?

Penarikan balik kelulusan pemaju-pemaju ini dilaksanakan kerana tidak terdapat usaha oleh pemaju untuk menyediakan dan mengemukakan untuk pertimbangan dan kelulusan Kebenaran Merancang kepada PBT walaupun sehingga tempoh 18 – 24 bulan itu telah diberi dan tempoh ini telah tamat. Ini membuktikan pemaju sebenarnya tiada kesungguhan untuk melaksanakannya.



**KENYATAAN BALAS MEDIA  
BERKAITAN PENARIKAN BALIK KELULUSAN SEMBILAN (9) PEMAJU YANG INKAR MEMATUHI  
SYARAT KELULUSAN RUMAH SELANGORKU**

Keputusan untuk membatalkan telah dibuat pada Mesyuarat Jawatankuasa Induk Rumah Selangorku pada 5 Februari 2018 yang dipengerusikan oleh YB Dato' Iskandar Abd Samad. Kerajaan Negeri perlu tegas terhadap pemaju-pemaju yang sengaja melambatkan pembinaan Rumah Selangorku agar sasaran Kerajaan Negeri dapat dicapai.

- v. Adakah melalui penarikan balik kelulusan ini akan menjejaskan pembeli?

Tidak sama sekali kerana penawaran belum dikeluarkan atas sebab pemaju masih belum mendapat kelulusan daripada KPKT untuk membolehkan penjualan dibuat.

Pembangunan untuk 24,247 unit yang siap / pembinaan adalah seperti berikut :

- a) Sebanyak 3,620 unit telah siap dan kunci telahpun diserahkan yang meliputi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut :

BIL.	PBT	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT	
			TERES/BANDAR	PANGSAPURI
1.	MBSA	640	-	640
2.	MPAJ	42	-	42
3.	MPK	879	318	561
4.	MPKj	255	165	90
5.	MPSp	1,173	15	1,158
6.	MDKS	422	422	-
7.	MDHS	209	209	-



**KENYATAAN BALAS MEDIA  
BERKAITAN PENARIKAN BALIK KELULUSAN SEMBILAN (9) PEMAJU YANG INKAR MEMATUHI  
SYARAT KELULUSAN RUMAH SELANGORKU**

<b>Jumlah keseluruhan</b>	<b>3,620</b>	<b>1,129</b>	<b>2,491</b>
---------------------------	--------------	--------------	--------------

- b) Sementara sebanyak 20,627 unit dalam pembinaan yang meliputi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti berikut :

BIL.	PBT	JUMLAH UNIT	JUMLAH UNIT	
			TERES/BANDAR	PANGSAPURI
1.	MBSA	2,190	-	2,190
2.	MPSJ	1,570	-	1,570
3.	MPK	3,182	-	3,182
4.	MPKj	3,955	628	3,327
5.	MPSp	3,849	-	3,849
6.	MPS	244	-	244
7.	MDSB	100	100	-
8.	MDKS	1,895	861	1,034
9.	MDKL	3,642	-	3,642
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>20,627</b>	<b>1,589</b>	<b>19,038</b>

Jumlah keseluruhan bagi para (a) dan (b) adalah sebanyak 24,247 unit

- vi. Adakah tapak berkenaan yang ditarik balik kelulusan akan dibina rumah harga bebas?

Tidak. PBT dan agensi-agensy terlibat tidak akan memberi kelulusan selain daripada pembinaan Rumah Selangorku.



**KENYATAAN BALAS MEDIA  
BERKAITAN PENARIKAN BALIK KELULUSAN SEMBILAN (9) PEMAJU YANG INKAR MEMATUHI  
SYARAT KELULUSAN RUMAH SELANGORKU**

---

- vii. Adakah dengan penarikan balik ini akan menyebabkan pemaju lain culas dalam membina Rumah Selangorku?

Tidak. Melalui penarikan balik ini, pemaju tidak boleh memulakan pembinaan harga bebas di projek yang sama. Di bawah Kerajaan Negeri semasa telah ditetapkan wajib dibina terlebih dahulu atau serentak dengan rumah harga bebas. Oleh yang demikian, pemaju yang dibatalkan kelulusan Rumah Selangorku mereka perlu mendapatkan kelulusan semula dan memulakan pembinaan Rumah Selangorku mereka sebelum boleh memulakan pembinaan rumah harga bebas.

Unit Korporat & Aduan

Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor